

CARI



- Foto hiasan

Dibelasah bekas suami kaki kikis

Oleh Halina Mohd Noor dan Nor Hatina Shuib
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Malang bersuamikan lelaki 'kaki kikis', wanita ini ditumbuk 10 kali bertubi-tubi sehingga patah tulang hidung dan muntah darah di hadapan bekas mentua antara pengalaman ngeri seorang ibu tunggal yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga.

Bekas pegawai tadbir diplomatik itu berkata, perkahwinan pada 2009 itu menjadi sejarah hitam dalam hidupnya kerana menjadi mangsa keganasan bekas suami yang turut mendera beliau dari segi kewangan sepanjang empat tahun bergelar isteri.

"Kami berkahwin tanpa rasa cinta, berkawan dan terus ambil keputusan berkahwin. Awal perkahwinan saya sudah nampak dia jenis suka mengikis dan perbelanjaan kebanyakan semua saya yang tanggung.

“Kami alami isu kewangan dan saya sanggup buat pinjaman peribadi sebanyak RM30,000 untuk selesaikan hutang pinjaman pendidikan bekas suami.

“Saya pada awalnya tidak kisah kerana jenis wanita yang suka berdikari dan tidak kisah membelanjakan wang untuk suami, tetapi akhirnya sedar saya menjadi mangsa dera dari sudut kewangan,” katanya ketika ditemui pada Forum Menangani Gangguan Seksual dan Keganasan Rumah Tangga, di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), di sini, baru-baru ini.

Wanita kelahiran Sarawak ini berkata, sehari selepas bercerai pada 2013 lalu, suami yang sebelum ini tidak pernah memukul atau meninggikan suara, bertindak menumbuk wajahnya bertubi-tubi ketika beliau datang ke rumah bekas suami, di Negeri Sembilan untuk menjenguk anak yang ketika itu ber-usia setahun lebih.

Apabila tidak dapat mengawal diri dan terjatuh, beliau ditendang pula.

“Saya tidak dapat elak kelakuan ganas bekas suami. Lebih malang, ketika wajah berdarah dan tulang hidung patah, tiada siapa sudi membantu. Saya mengelap wajah yang penuh darah dengan tuala cuci kereta dan memandu sendiri ke klinik untuk rawatan.

“Di sana, saya masih tidak dapat bantuan kerana tiada siapa sudi membantu.

“Saya terkilan dengan sikap masyarakat terhadap mangsa dera seperti saya. Mereka tidak mahu atau takut untuk campur tangan mahupun cuba hulurkan bantuan walaupun mangsa dcederakan pemangsa,” katanya.

Kesan daripada tindakan bekas suami, beliau menerima lima jahitan, terpaksa menjalani pembedahan tulang hidung serta tidak boleh ketawa atau senyum sehingga tiga bulan.

“Selepas kejadian itu, apabila nampak dia, saya rasa terketar-ketar, panik dan takut. Saya difahamkan selepas kami bercerai, dia berkahwin lain dengan seorang jurutera dan sama seperti saya.

“Wanita berkenaan juga khabarnya turut menjadi mangsa keganasan dan lebih teruk daripada apa yang dilakukan pada saya,” katanya.

Beliau berkata, tidak disangka, di sebalik wajah tampan dan sikap lembut bekas suami, ada sisi pemangsa dalam dirinya selain menyifatkan suami sebagai materialistik.

“Habis duit saya dia kikis kerana suka berbelanja besar seperti membeli jam mahal dan pakaian berjenama.

“Saya ini umpama mesin pengeluaran wang automatik (ATM) dan ketika itu menunaikan apa saja yang dimahukan sebab jenis tidak berkira soal wang,” katanya.

Kepada wanita yang menjadi mangsa dera, beliau menyarankan jangan menyeksa diri dan anak.

“Saya tidak lihat apabila wanita didera dan mengadu kepada pihak berkuasa, ia mengaibkan suami.

“Fikirlah masa depan diri dan berpada-pada untuk bertahan daripada terus menjadi mangsa dera. Banyak saluran untuk wanita yang didera pasangan dan kuatkan diri untuk melaporkan kepada pihak berkuasa,” katanya.